

Mahkamah Tinggi ketepi hukuman ke atas penganggur miliki haiwan dilindungi

SIBU: Mahkamah Tinggi di sini, semalam mengetepikan hukuman yang dikenakan Mahkamah Sesyen di Kapit pada 19 Jun lepas, terhadap seorang penganggur agar berkelakuan baik selama tiga tahun atas empat pensabitan memiliki haiwan dilindungi tanpa kebenaran.

Hakim Datuk Christopher Chin Soo Yin menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan denda RM50,000 atau penjara enam bulan ke atas responden Toh Tung Kit, 59, bagi pertuduhan pertama dan kedua.

Bagi pertuduhan ketiga, Toh dikenakan hukuman penjara ~~satu tahun~~ dan denda RM10,000 atau penjara tiga bulan, di mana hukuman penjara ini berjalan serentak.

Bagi pertuduhan keempat, Toh dikenakan hukuman penjara dua tahun dan denda RM50,000 atau penjara enam bulan, di mana hukuman penjara ini berjalan secara berasingan dengan hukuman penjara bagi tiga pertuduhan terdahulu.

Chin dalam penghakiman berkata, keputusan hakim Mahkamah Sesyen yang mengenakan hukuman berkelakuan baik selama tiga tahun terhadap responden adalah tidak memadai dengan berat kesalahan yang dilakukan.

“Sebagai contoh ringkas, bahagian hidupan liar yang ditemui dengan responden bermakna 183 ekor beruang matahari telah diburu dan dibunuh, bersama-sama dengan 148 ekor burung enggang, yang menjadi kebanggaan dan

simbol Sarawak.

“Sekurang-kurangnya 143 ekor rusa sambar turut kehilangan nyawa untuk perniagaan responden dalam bahagian badan hidupan liar.

“Bahagian haiwan lain yang ditemui dalam simpanannya termasuk tenggiling, landak, burung kuang raya, selain tongkat ali dan 21.8 kilogram gaharu,” ujarnya.

Menurut Chin, Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 telah digubal untuk melindungi biodiversiti di negeri ini dan adalah menjadi kewajipan mahkamah untuk menguatkuasakan undang-undang ini.

Malangnya ujar beliau, apabila kes di bawah Ordinan ini dibawa ke mahkamah kesemua haiwan tersebut sudah mati.

“Terpulang kepada mahkamah ini untuk membela nasib mereka seperti yang diamanahkan oleh badan perundangan untuk menyedarkan orang ramai mengenai kesalahan perdagangan bahagian haiwan yang dilindungi,” jelasnya.

Chin berkata, beliau faham Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambil kira keadaan responden ketika menjatuhkan hukuman, namun kriteria seperti kepentingan awam dan keperluan untuk menghalang jenayah sama pada masa depan tidak dipertimbang dengan sewajarnya.

“Hukuman berkelakuan baik di bawah Seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah (CPC) hanya bertujuan untuk kesalahan remeh dan bukan

untuk satu kesalahan seperti yang dihadapi responden,” katanya.

Mengikuti pertuduhan pertama, Toh yang diwakili peguam bela Augustine Liom dan Christie Philimon didakwa memiliki 192 helai bulu burung kuang raya (Argus Pheasant), 152 helai bulu burung enggang (Helmeted) dan 148 helai bulu burung enggang (Buceros vigil) tanpa lesen.

Pertuduhan kedua dia didakwa memiliki 183 hempedu beruang matahari (Heliarctos malayanus), 96 duri landak (Hystricidae), 18 kuku beruang matahari dan 16 sisik tenggiling (Manis javanica) tanpa lesen.

Untuk pertuduhan ketiga, Toh didakwa memiliki 80 keping tongkat ali (Eurycoma longifolia) dan 21.8 kg kayu gaharu (Aquilaria sp) tanpa lesen, yang dilindungi di bawah Ordinan Perlindungan Hidupan Liar.

Manakala pertuduhan terakhir, Toh didakwa memiliki 143 urat rusa sambar, 120 organ dalaman rusa sambar, lapan gading babi (Sus barbatus), enam tanduk rusa sambar dan satu taring rusa sambar tanpa lesen.

Toh didapati melakukan kesemua kesalahan itu di sebuah kedai kopi di Jalan Tan Sit Leong, Kapit pada 5 Oktober 2019 kira-kira jam 10.30 pagi.

Timbalan Pendakwa Raya Roland Felix Hardin dari Pejabat Peguam Negeri bertindak sebagai perayu dalam kes ini.